

Headline	Dua Pusat Kecemerlangan Mimos	Language	MALAY
Date	03. Apr 2008	Page No	11
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	558 cm²
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287		



Dua pusat kecemerlangan Mimos

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

MIMOS Berhad (Mimos) baru-baru ini melancarkan dua pusat kecemerlangan dalam teknologi rangkaian meliputi teknologi ukuran dan ujian dalam misi untuk mempromosi dan melesenkan teknologinya atau Hak Intelektual (IPs).

Ia bertujuan mengiktiraf syarikat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang tulen.

Pusat tersebut ialah Pusat Kecemerlangan Cisco Asia dalam Teknologi Rangkaian (ACENT) dan Pusat Kecemerlangan Agilent dalam Teknologi Pengukuran dan Ujian di Asia (CEMTA) yang terletak di Mimos, Taman Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Pusat tersebut penting bagi mengukuhkan keupayaan mereka untuk bersaing di peringkat global dan membawa negara ke aras lebih tinggi.


Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, pusat kecemerlangan berkenaan akan menjadi landasan ke arah pewujudan Pusat Teknologi Inovasi Kebangsaan.

"Pusat berkenaan bakal bertindak sebagai pemangkin dalam membina keupayaan bagi membangunkan kapakan."

"Nilai tambah yang dibawa oleh pusat berkenaan akan menjadi contoh bagi membangunkan kapakan dalam pelbagai sesuatu bidang dalam industri," katanya semasa majlis perasmian Pusat Kecemerlangan ACENT dan CEMTA di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Abdul Wahab berkata, Malaysia memerlukan kapakan dalam pelbagai bidang bagi meningkatkan keupayaan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

ACENT akan mengendalikan latihan bagi membangunkan pakar-pakar dalam bidang perhubungan rangkaian bagi memenuhi permintaan yang



ABDUL Wahab Abdullah (kiri) dan Abdul Aziz Ali menandatangani plak pada majlis pelancaran Pusat Kecemerlangan antara Mimos, Cisco dan Agilent di Mimos Berhad, Taman Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

semakin meningkat.

Pusat berkenaan akan dilengkapi dengan kemudahan bagi program persijilan Cisco seperti Cisco Certified Network Associate (CCNA), Cisco Certified Network Professionals (CCNP), Cisco Certified Design Associate (CCDA) dan Cisco Certified Internetwork Expert (CCIE).

Pengarah Jualan, Perniagaan Sektor Awam Cisco, Abdul Aziz Ali berkata, pihaknya yakin penubuhan ACENT akan membuka peluang kepada negara untuk mengenal pasti keperluan teknologi rangkaian terkini dan sumbangan kepada agenda negara bagi meningkatkan modal insan berdasarkan penyelidikan dan kolam teknologi yang dapat berdaya saing di peringkat global.

"Kami bersama-sama MIMOS akan terus menjana teknologi rangkaian inovasi yang mengubah cara kerja,

hidup dan bermain dengan berhubung semasa manusia, media dan maklumat merentasi komuniti," katanya.

IMS Asia sebagai Rakan Pembelajaran Cisco (CLP) terulung di negara ini akan menguruskan operasi ACENT termasuk menyediakan latihan sebagai usaha untuk memastikannya menjadi pusat pembelajaran teknologi rangkaian lanjutan yang menjadi pilihan utama di rantau Asia.

"IMS Asia mempunyai pelatih lulusan Cisco paling ramai di negara ini yang terdiri daripada pakar di dalam dan luar negara yang mempunyai pengalaman di peringkat antarabangsa.

"IMS Asia juga menjadi pakar runding dan kejuruteraan dalam melatih dan melaksanakan Rangkaian Amalan Baik ICT dengan kerjasama ACENT Cisco," katanya.

Amalan baik ini akan dikongsi dengan rangkaian juruterma tempatan dan

serantau terutama bagi pelaksanaan teknologi konvergen melibatkan data, suara dan video) dengan fungsi lanjutan bagi keselamatan, kualiti perkhidmatan, IPv6 dan IP Multicast," kata Pengarah Urusan IMS Asia Sdn. Bhd., Palaniappan Alagan.

CEMTA pula menawarkan peralatan pengukuran dan ujian terkini dan proof-of-concepts bagi demo dan penilaian bagi enterpris kecil dan sederhana merentasi Asia termasuk Malaysia serta kemudahan latihan bagi membangunkan kapakan dan keupayaan dalam ujian lanjutan dan teknologi pengukuran.

CEMTA digunakan sebagai penyelesaian ujian bagi melengkapkan pembangunan kitar hidup bagi WiMAX mudah alih, membolehkan persekitaran ujian dunia sebenar bagi persekitaran triple-play, IPv6 serasi peralatan tangga, menyediakan generasi isyarat terbaik dalam kelasnya.

Selain itu, ia juga dimanfaatkan dalam analisis bagi reka bentuk penyelesaian ujian bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi premis pelanggan mudah alih WiMAX dan stesen asas menyediakan penyelesaian latihan hands-on dalam bidang frekuensi radio dan komunikasi tanpa wayar serta menyediakan penyelesaian pembelajaran dan pengajaran bagi ujian peralatan elektronik.

Presiden Agilent Technologies Malaysia and Singapore, Soon Chai berkata, CEMTA menyokong usaha Agilent dalam mencipta ekosistem R&D yang akan menjadi pemangkin kepada aktiviti inovasi di negara ini.

Bagi menjadi rakan kongsi teknologi bertaraf dunia seperti Agilent, syarikat tempatan perlu mempunyai daya saing.

"Justeru CEMTA mencipta satu persekitaran yang dinamik bagi pengetahuan, sumber dan teknologi dalam perkongsian dengan pemain industri bagi menjadikan Malaysia sebagai sumber teknologi inovasi dunia," katanya.